



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 OGOS 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

14 OGOS 2022 (AHAD)



ROSOL (kanan) beramah mesra dengan pengunjung pada Program Jualan Keluarga Malaysia di sebuah pasar raya di Manir, Kuala Terengganu semalam.

Tindakan tegas menanti pengkhianat negara

KPDNHEP bantu cari dalang seludup diesel

KUALA TERENGGANU — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengesas dalang penyeludupan minyak diesel bersubsidi melibatkan kapal-kapal tangki di perairan Johor.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, siasatan itu akan dijalankan bersama Polis Johor berikutan pendedahan pasukan tersebut menerusi laporan muka hadapan akhbar Kosmo! semalam.

"Kita (kementerian) tidak akan berkompromi. Tak kisahlah sama ada dalam tersebut merupakan ahli politik, penjawat awam atau orang biasa.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang terlibat kerana ia merupakan satu pengkhianatan besar terhadap negara.

"Subsidi (diesel) sepatutnya dinikmati oleh nelayan, petani dan penternak, namun kewujudan sindiket-sindiket ini telah merosakkan rantaian bekalan,"



KERATAN Kosmo! 2 Ogos 2022.

katanya ketika ditemui selepas mininjau Program Jualan Keluarga Malaysia di sebuah pasar raya di Manir di sini semalam.

Kosmo! semalam melapor kan terdapat sindiket diper-cayai didalang orang kenamaan mengaut keuntungan berpuluhan juta ringgit dengan menjual minyak diesel subsidi kepada kapal-kapal asing di tengah laut di Johor.

Mengulas lanjut, Rosol mem-beritahu, pihaknya sedang mempertingkatkan operasi pe-neguatuasaan bagi menangani ketirisan barang bersubsidi

Jelas beliau, antara tindakan yang diambil termasuklah arah melarang stesen minyak menjual petrol RON95 kepada kenderaan yang menggunakan plat pendaftaran asing di seluruh Malaysia.

"Bagi minyak diesel pula, KPDNHEP menetapkan had tertentu untuk pembelian di stesen minyak pada satu-satu masa.

"Kita juga bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain bagi membendung penyelewengan baik di sempadan mahupun di dalam negara.

"Pegawai penguat kuasa juga kerap menjalankan risikan dan pemantauan menerusi Ops Samar di lokasi panas khususnya di negeri-negeri yang terletak bersempadan dengan negara jiran," kata beliau.

Rosol menambah, KPDNHEP turut memberi ganjaran kepada pemberi maklumat yang me-nyalurkan maklumat kegiatan penyelewengan barang "ber-subsidi tersebut.

OP ATM

Cooking oil, related items worth RM2.4m seized

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized cooking oil and related items worth RM2.413 million in integrated operations from July 1 until last Friday.

The ministry's enforcement director, Azman Adam, said 126 cases involving offences related to cooking oil were recorded.

"The offences included the misappropriation of packet cooking oil that was resold in bottles and supplying cooking oil to ineligible and unlicensed parties.

"Apart from this, traders were caught hoarding or diverting and storing supplies of such goods in unlicensed places," he said after conducting checks at a supermarket in Gombak, Selangor, on Friday.

He said since the establishment of the Task Force on Jihad Against Inflation in June, 16,562 premises had been inspected through Op



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam (right) conducting a check at a supermarket in Gombak on Friday. PIC BY AZHAR RAMLI

ATM (Chicken, Chicken Eggs and Cooking Oil).

He said inspections had also been carried out on 729 repackaging premises, wholesalers and retailers.

He said 32 per cent of business

premises had begun selling bottled cooking oil below the set price, up from 17 per cent on Aug 8.


"This is a good step by the traders, where they sell the goods below the set ceiling price, and the rest follow the price set by the

government," Azman said.

Task Force on Jihad Against Inflation chairman Tan Sri Annuar Musa announced on Aug 1 that palm cooking oil in 5kg bottles would be sold at RM34.70 starting Aug 8. **Bernama**

**Tukar minyak
masak dengan
rokok**

EKSKLUSIF



SINDIKET
penyeludupan minyak
subsidi melakukan
sistem ‘trade barter’
bagi mendapatkan
bekalan rokok seludup
dari Filipina.

Maritim Sabah dan
Wilayah Persekutuan
Labuan mendedahkan,
sindiket membawa
keluar minyak masak
ke negara jiran tersebut
untuk ditukarkan
dengan rokok seludup.

Minyak masak itu
kemudian dijual dengan
harga lebih tinggi di
negara berkenaan.

14

HARI : AHAD
TARIKH : 14/8/2022
M/SURAT : 1

Minyak masak ditukar dengan rokok

Sindiket guna bot jongkong dan bot kecil, aktif waktu malam hingga awal pagi

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
 SHAH ALAM

Sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi dikesan aktif melakukan kegiatan secara *barter trade* dengan rokok dari Filipina.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Maritim Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, sindiket penyeludupan itu dikesan menggunakan bot jongkong serta bot kecil dan aktif pada waktu malam hingga awal pagi mengikut air pasang surut.

Menurutnya, minyak masak bersubsidi itu ditukar secara *barter trade* dengan rokok dari negara berkenaan, sementara minyak masak Malaysia pula akan dijual dengan harga yang lebih tinggi di Filipina.

"Penyeludup didapati membeli minyak dengan kuantiti kecil dan akan menyimpannya di satu lokasi terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada penyeludup dari negara berkenaan."

"Bot-bot yang terlibat dengan kegiatan penyeludupan ini kemudian membawa barang-barang kawalan ini keluar dari jeti yang tidak dilantik didaftarkan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS)."

"Sindiket juga mengupah

tonto atau warga tempatan yang menggunakan bot-bot kecil bagi menyampaikan maklumat pergerakan bot Agensi Penguasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), katanya eksklusif kepada *Sinar Ahad*.

Mohd Rosli berkata, pihaknya tidak menafikan terdapat jaringan luar dan tempatan membabitkan sindiket penyeludupan rokok dari negara jiran serta jaringan penyeludup minyak bersubsidi tempatan.

Hasil siasatan mendapati, pekerja yang digajikan oleh penyeludup adalah mereka yang boleh berbahasa dan bertutur dalam bahasa Filipina bagi memudahkan urus niaga.

Dedah beliau lagi, kegiatan penyeludupan turut melibatkan beberapa individu daripada pemborong minyak masak bersubsidi di gudang, kilang, pemilik lor dan bot jongkong.

"Masing-masing mempunyai keuntungan hasil daripada penjualan minyak masak bersubsidi yang diseludup ke luar negara."

"Kita juga dapat, ada penyeludupan yang di-



EKSKLUSIF

Sindiket menggunakan bot-bot kecil bagi memudahkan pergerakan untuk membawa minyak masak bersubsidi untuk diseludup ke Filipina.

buat secara individu yang menggunakan alasan menghantar stok untuk kegunaan penduduk Malaysia di pulau. Sijil atau lesen yang digunakan tidak menyatakan had kekerapan barang kawalan bergerak masuk ke pulau.

"Ada juga kes yang dilakukan oleh individu warganegara yang mempunyai hubungan keluarga dengan penduduk di negara jiran," ujarnya.

Tambah beliau, penyeludupan minyak masak bersubsidi ini adalah satu rangkaian jenayah terancang dan Maritim Malaysia akan melaksanakan operasi terancang dari segi risikan dan penglibatan dari pasukan bot di laut serta pasukan serbuan di darat bagi memastikan tangkapan dapat dilakukan.

Pihaknya percaya faktor penawaran dan permintaan tinggi selain pergerakan rentas sempadan menyumbang kegiatan penyeludupan ini.

"Selain kurangnya saluran maklumat awam, ada juga kawasan yang

mempunyai terlalu banyak jeti-jeti persendirian dan jeti tidak diwartakan hingga menyukarkan kawalan dan pemantauan dilakukan.

Mengulas mengenai tindakan tangkap dan rampasan, Mohd Rosli berkata, dalam tempoh tahun ini sehingga Julai, 11 kes direkodkan dengan rampasan minyak masak bersubsidi seberat 13,321 kilogram bernilai RM38,807.50.

Jelasnya, seramai 12 individu berusia 20 hingga 55 tahun telah diberkas terdiri daripada enam warga tempatan serta enam warga Filipina.

Katanya lagi, dalam usaha mengekang kegiatan itu, Maritim Malaysia akan terus melakukan risikan serta bekerjasama dengan agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Maritim juga akan mengkoordinasi dengan pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) selain peringkat rondaan dan pemeriksaan ke atas bot-bot yang berada di lokasi hotspot," katanya.

Tegas Mohd Rosli, aktiviti penyeludupan minyak masak bersubsidi ini adalah satu jenayah yang telah mengambil hasil negara dan juga hak rakyat Malaysia serta mem-

Statistik Tahun 2022 (Januari - Julai)

Jumlah kes: 11 Kes

Pecahan kes ikut Zon Maritim:

- Zon Maritim Lahad Datu - 1 kes
- Zon Maritim Semporna - 5 kes
- Zon Maritim Tawau - 3 kes
- Zon Maritim Kudat - 1 kes
- Zon Maritim Sandakan - 1 kes

Nilai rampasan/berat:

RM38,807.50 / 13,321kg

Pecahan nilai rampasan ikut Zon Maritim:

- Zon Maritim Lahad Datu - RM10,200/4,080kg
- Zon Maritim Semporna - RM8,997.50/3,599kg
- Zon Maritim Tawau - RM18,040/5,014kg
- Zon Maritim Kudat - RM807.50/323kg
- Zon Maritim Sandakan - RM762.50/305kg

Jumlah tangkapan

Pecahan mengikut Zon Maritim:

- Zon Maritim Lahad Datu - 5 orang (1 Malaysia, 4 Filipina)
- Zon Maritim Tawau - 5 orang (Malaysia)
- Zon Maritim Kudat - 2 orang (Filipina)



Minyak masak bersubsidi cuba diseludup ke negara jiran.



MOHD ROSLI

beri keuntungan kepada individu semata-mata.

"Ini kerana subsidi yang dibayar oleh kerajaan adalah untuk membantu rakyat Malaysia dalam menjalani kehidupan sehari-hari dan bantuan kos sara hidup kepada rakyat. Justeru, mereka yang terlibat dengan jenayah ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kastam 1967," ujarnya.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

14 OGOS 2022 (AHAD)

20 tahun SSM perkasa komuniti perniagaan Malaysia



Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhi.sulaiman@mediamalaya.com.my

KUALA LUMPUR: Bertindak sebagai penyedia perkhidmatan perembadaan syarikat dan pendaftaran perniagaan, membezalkan maklumat-maklumat berkaitan kepada orang awam serta menjadi peneraju utama dalam mempertingkatkan tadbir urus korporat negara, tempoh 20 tahun mengelak kejayaan hari ini bukanlah sesuatu yang mudah bagi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Jangka masa dua dekad ini menyaksikan pelbagai transformasi demi memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia sentiasa kondusif, berdaya maju, menjadi nadi kepada kemakmuran ekonomi negara malah telah membangunkan satu rantaian perniagaan domestik yang sempurna dan diyakin rakyat.

Oleh yang demikian, tidak hairan mengapa semasa majlis sambutan ulang tahun ke-20 tahun SSM bertemakan 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan' pada 15 April lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menekankan bahawa kejayaan SSM adalah kerana kecekapannya dalam merangka hala tuju sendiri.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, sorotan pencapaian SSM sejak ditubuhkan pada 16 April 2002, negara dapat menyaksikan pemodenan akta-akta yang dilawak selia oleh SSM yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran korporat yang kondusif dan dinamik dalam menjalankan perniagaan agar negara ini mempunyai perundungan yang setaraf dengan amalan-amalan korporat terbaik di peringkat antarabangsa.

"Sejak penubuhannya pada tahun 2002, SSM telah berjaya membentangkan sebanyak 11 Rang Undang-undang ke Parlimen berhubung pengenalan atau pindaan pelbagai perundungan yang ditadbir oleh SSM serta mewartakan 37 undang-undang subsidiari.

"Antaranya termasuk Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian



ALEXANDER Nanta Linggi (dua kanan) diiringi Nor Azimah Abdul Aziz (kanan) pada Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun SSM ke-20 di Menara SSM@Sentral, di Kuala Lumpur. - MINGGUAN/AMIR KHALID



“Sepanjang 20 tahun SSM mencatatkan pelbagai transformasi penting demi memacu sektor perniagaan negara, sejarah perkembangan pesat peringkat domestik dan antarabangsa.”

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM

Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, dan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971. SSM juga secara konsisten mengkaji, memperbaiki dan memperkuatkukan kerangka undang-undang yang sedia ada ini," katanya.

Nor Azimah berkata selain itu, sepanjang 20 tahun SSM mencatatkan pelbagai transformasi penting demi memacu sektor perniagaan negara, sejarah dengan perkembangan perniagaan yang pesat di peringkat domestik dan antarabangsa.

"SSM melalui transformasi penting dari segi perkhidmatan daripada manual ke digital sepenuhnya bagi platform seperti EzBiz Online, MyCoID, MyLLP dan MBR5 yang membolehkan penambahan model perniagaan serta operasi SSM dengan memanfaatkan keupayaan

digital ke arah menjadi sebuah agensi pengawal selia yang boleh dipercayai dan seterusnya mendorong pertumbuhan positif sektor korporat di Malaysia.

"Kita dapat lihat perubahan di mana pada dahulunya semua proses hakiki seperti pendaftaran, pembaharuan dan serah simpan dilaksanakan secara manual dan sekangkang hampir kesemua proses dilakukan di hujung jari sahaja.

"Lihat sahaja pada statistik transaksi EzBiz Online. Pada tahun 2021, jumlah transaksi EzBiz Online yang direkodkan adalah sebanyak 1.54 juta berbanding hanya 274 ribu transaksi pada tahun 2017. Peningkatan jumlah transaksi melalui EzBiz Online sejak ia mula diperkenalkan dan rekod penurunan transaksi melalui kaunter menunjukkan kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan dalam talian

melanda dunia, SSM tidak lupa membantu meringankan bebanan yang dihadapi oleh komuniti korporat dan membantu pemulihara ekonomi negara pada tahun 2022, selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia. Nor Azimah berkata, ini dapat dibuktikan dengan pengenalan 11 inisiatif oleh SSM pada tahun 2020 dan 2021 serta enam inisiatif pada tahun 2022.

Nor Azimah berkata SSM turut menitikberatkan urusan kebajikan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk memelihara kebajikan golongan yang kurang berkemampuan melalui peruntukan wakalah Zakat Korporat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SSM.

"Sejak tahun 2014 hingga 2020, SSM telah membayar zakat sebanyak RM79.9 juta dan mengagihkan wakalah zakat korporat SSM sebanyak RM30.8 juta kepada golongan asnaf fakir miskin di seluruh negara. Manakala bagi peruntukan CSR SSM pula, dari 2018-2021, SSM telah mengagihkan RM4.7 juta kepada golongan yang memerlukan terutamanya usahawan mikro dan B40."

Beliau turut menyatakan bahawa SSM juga tidak lupa untuk memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh melalui pembayaran cukai korporat bermula 2017 hingga 2020 yang berjumlah RM32 juta.

"Sejak penubuhannya pada tahun 2002 hingga 2020, SSM telah mencarum sebanyak RM2.1 billion kepada Kumpulan Wang Disatuan Persekutuan (KWDP). Ini menunjukkan bahawa SSM berjaya membuktikan kebolehannya untuk mengurus modal insan dan kewargannya melalui kuasa autonomi yang diberikan dengan cukup cemerlang."

Sebagai kemuncak majlis sambutan ulang tahun ke-20 tahun pada 15 April lalu, SSM turut melancarkan Penerbitan SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan, sempena memperingati ulang tahun penubuhannya yang ke-20.

Buku ini merupakan dokumentasi lengkap yang memaparkan segala usaha SSM selama dua dekad penubuhannya dalam memacu pembaharuan serta perkembangan pesat landskap komuniti niaga dan korporat di Malaysia.

Penerbitan SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan boleh diakses melalui pautan www.ssm.com.my/Pages/Publication/Penerbitan/eBook-SSM-Dua-Dekad.aspx

Semasa pandemik COVID-19